

→ BISNES

Hospital mata sasar raih RM59 juta 2018



Zaki Mohd Zakaria

→ Kerjasama dengan ANGKASA pacu pendapatan THONEH

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

Hospital Mata Nasional Tun Hussein Onn (THONEH) menyoasarkan peningkatan pendapatan kepada RM59 juta tahun depan berbanding RM34 juta pada

2016, dipacu kerjasama strategik dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA).

Ketua Pegawai Eksekutif THES Capital Sdn Bhd, Zaki Mohd Zakaria, berkata menerusi kerjasama itu, THONEH akan menyediakan perkhidmatan penjagaan mata kepada lapan juta ahli ANGKASA dengan diskaun sekurang-kurangnya lapan peratus.

"Ini adalah yang pertama bagi kami dan THONEH gembira berpeluang bekerjasama dengan badan induk yang mewakili majoriti koperasi negara," katanya pada sidang media majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MyANGKASA

dan THONEH di Petaling Jaya, semalam.

MoU itu ditandatangani Pengarah MyANGKASA Holdings, Datuk Hanapi Suliman manakala THONEH diwakili Zaki.

Tambah lapan pakar mata

Zaki berkata, bagi menampung jumlah pelanggan yang semakin meningkat, pihaknya akan menambah lapan pakar mata kepada 20 orang pada tahun depan.

Mengulas perancangan dalam tempoh lima tahun akan datang, Zaki berkata, THONEH menyoasarkan membuka empat pusat penjagaan mata di luar Lembah Klang dengan Kuantan sebagai lokasi pertama.

"Kita sedang dalam perbincan

ngan mengadakan usaha sama dengan Pusat Perubatan Kuantan untuk membuka Unit Mata di sana, manakala tiga lokasi lagi kita bercadang untuk membuka di Johor, Perlis dan Sabah," katanya.

Sementara itu, Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata setiap ahli akan diberi kad kesetiaan MyANGKASA-THONEH secara percuma seperti terkandung dalam memorandum bertempoh dua tahun itu.

"Keistimewaan pemegang kad termasuk rebat tunai, yuran pendaftaran pengecualian untuk perkhidmatan atas RM300 dan diskaun sekurang-kurangnya lapan peratus," katanya.